



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KOLABORASI KERAJAAN MALAYSIA BAHARU DENGAN PENJAWAT AWAM MEMANTAPKAN LAGI MUTU PERKHIDMATAN AWAM

PUTRAJAYA, 21 Mac 2019 – YB Tuan Haji Khalid bin Abd Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada 981 warga Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Jabatan dan Agensi yang telah memberikan perkhidmatan dan sumbangan yang cemerlang sepanjang tahun 2018. APC tahun ini merupakan kali pertama diadakan di bawah pemerintahan kerajaan Malaysia Baharu.

Selama 10 bulan menerajui KWP, YB Menteri Wilayah Persekutuan telah memperkenalkan hala tuju baharu kementerian melalui enam teras utama merangkumi Wilayah Bersih, Keselamatan Awam, Pengangkutan Efisien, Sosio-Ekonomi Mampan, Persekitaran Hijau, dan Komuniti Inklusif. Keenam-enam teras ini menjadi panduan kepada perancangan dan pengurusan Kementerian, Jabatan serta agensi seiring dengan tema “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi”.

Inisiatif yang diketengahkan ini dapat melonjakkan lagi pembangunan ekonomi dan sosial untuk warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dalam membentuk suasana peduli, sihat dan selamat. Dengan pertambahan Jabatan baharu di bawah Kementerian seperti PLAN Malaysia, Jabatan Landskap Negara dan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan telah memantapkan lagi usaha meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat khususnya di Wilayah Persekutuan.

Semua inisiatif yang dilaksanakan mendapat sokongan padu daripada warga KWP, Jabatan dan Agensi Pelaksana. Penerimaan semua penjawat awam dalam merealisasikan enam teras utama tersebut mendapat kerjasama erat semua pihak untuk hasil yang mantap dan berkualiti. Dasar – dasar baharu yang dibuat oleh kerajaan kini lebih memfokuskan kepada kehidupan komuniti yang berdaya huni dan stabil.

“Menggilap Prestasi Memercu Produktiviti” melambangkan usaha KWP, Jabatan dan Agensi dalam menambah baik prestasi dan produktiviti penjawat awam ke arah kecemerlangan dan berprestasi tinggi. Kerajaan kini amat menitik beratkan mengenai amalan budaya kerja cemerlang dengan mempunyai komitmen, kesedaran kualiti, bersedia menerima perubahan dan tiada batasan masa untuk cemerlang.

Daripada 981 jumlah penerima APC, seramai 25 orang adalah daripada KWP. 747 penerima daripada DBKL, 69 penerima daripada Perbadanan Putrajaya, 56 daripada PLAN Malaysia, 46 penerima daripada Perbadanan Labuan, 21 penerima daripada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, 12 orang daripada Jabatan Landskap Negara, 3 penerima daripada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan 2 penerima daripada Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu. Daripada jumlah tersebut, 123 orang adalah daripada kumpulan pengurusan dan professional manakala 858 penerima adalah daripada kumpulan pelaksana.

Oleh itu, pemberian anugerah seperti ini dapat memberi galakan dan dorongan kepada semua penjawat awam untuk terus mempraktikkan etika kerja cemerlang serta mengamalkan nilai – nilai positif supaya setiap usaha kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat Malaysia dapat dilaksanakan.

Disediakan oleh :

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

21 Mac 2019